



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (55) 03/06

**TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN SANTUNI VETERAN ANGKATAN
TENTERA MALAYSIA DALAM PROGRAM PEDULI VETERAN DI DAERAH
GERIK, NEGERI PERAK**

PERAK, 28 Jun 23 - YB Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan hari ini telah melaksanakan Program Peduli Veteran (PPV) peringkat daerah Gerik, Negeri Perak yang turut diiringi oleh Mej Jen Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Dalam program PPV kali ini, YB Adly telah menyantuni empat (4) orang Veteran ATM di sekitar daerah Gerik, Negeri Perak. Program ini merupakan salah satu manifestasi Kementerian Pertahanan dalam memastikan agenda kebajikan Veteran ATM dan tanggungannya sentiasa diutamakan. PPV yang dilaksanakan ini merangkumi lawatan kebajikan ke rumah veteran yang mengalami sakit kritikal, uzur, mempunyai anak Orang Kelainan Upaya (OKU) serta hidup dalam keadaan daif. Selain bertanya khabar, turut diselitkan penyampaian sumbangan sagu hati dan bakul makanan pada veteran yang diziarahi. Pada masa yang sama, Timbalan Menteri Pertahanan juga turut mengunjungi usahawan veteran ATM yang berjaya di dalam bidang usahawan yang diceburi.

Lawatan ke rumah veteran ATM pertama bertempat di No 5, Kampung PPRT Tawai, Gerik, Perak iaitu Encik Jaafar bin Md Akib yang berusia 66 tahun. Veteran merupakan bekas anggota tentera berpangkat Koperal, seorang OKU dan menghidap penyakit kencing manis serta tidak mempunyai pendapatan dan tidak berpencen. Veteran mempunyai enam (6) orang anak hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Puan Maimumah binti Ismail yang berusia 58 tahun. Veteran adalah penerima Bantuan Khas Kewangan Tidak Berpencen, Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tidak Berpencen, penerima *One Off* Elaun Pingat Jasa Malaysia (PJM) dan Bayaran Skim Kebajikan Sara Hidup yang masih lagi di dalam proses pembayaran.

Lawatan diteruskan ke rumah veteran ATM kedua di No 44-C, Kampung Perah, Gerik, Perak iaitu Encik Othman bin Haji Mohamad Arif berusia 69 tahun yang merupakan veteran Rejimen Askar Wataniah tidak berpencen berpangkat Lans Koperal. Status kesihatan veteran masih sihat dan tidak mempunyai sumber pendapatan serta mempunyai lapan (8) orang anak hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Puan Shamsiah binti Wahid yang berusia 55 tahun dan salah seorang anaknya yang kini berusia 30 tahun merupakan seorang OKU sejak lahir. Veteran adalah penerima Bantuan Khas Kewangan Tidak Berpencen, Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tidak Berpencen, penerima *One Off* Elaun PJM dan Bantuan Persekolahan yang masih lagi di dalam proses pembayaran.

Seterusnya, Timbalan Menteri Pertahanan mengunjungi usahawan veteran ATM tidak berpencen, Encik Ahmad bin Shaari berusia 63 tahun di alamat Lot 885, Kampung Kerunai, Gerik, Perak. Veteran merupakan bekas anggota tentera berpangkat Lans Koperal, seorang usahawan yang mengusahakan projek tanaman timun dan ternakan lembu. Veteran mempunyai lima (5) orang anak hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Puan Maimunah binti Abu yang berusia 60 tahun. Veteran adalah penerima Bantuan Khas Kewangan Tidak Berpencen, Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tidak Berpencen dan penerima *One Off* Elaun PJM.

Lawatan Timbalan Menteri Pertahanan diakhiri dengan mengunjungi usahawan veteran ATM yang mengusahakan Projek Tanaman Cili, Encik Zainal Abidin bin Mohd Nawi berusia 60 tahun di alamat No 1A, Kampung Lalang, Gerik, Perak. Veteran merupakan bekas anggota tentera berpangkat Laskar Kelas Satu, mempunyai 5 orang anak hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Puan Siti Jamilah binti Abd Latif yang berusia 52 tahun. Veteran adalah penerima Skim Pencen Hilang Upaya berjumlah RM 508.36 sebulan kerana mengalami kemalangan semasa di dalam tugas sehingga menyebabkan kaki sebelah kanannya tidak boleh dibengkokkan sepenuhnya. Veteran adalah penerima Bantuan Khas Kewangan Berpencen, Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Berpencen, penerima *One Off* Elaun PJM dan Bantuan Sara Hidup berjumlah RM300.00 sebulan.

PPV adalah merupakan antara inisiatif madani Kementerian Pertahanan dalam merealisasikan pelaksanaan dan halatuju Kertas Putih Pertahanan (KPP). PPV akan memastikan kebajikan dan kesejahteraan Veteran ATM terus terbela dan sentiasa terpelihara sejajar dengan jasa bakti dan pengorbanan Veteran ATM terhadap keamanan dan keselamatan negara. Melalui program ini, lebih ramai Veteran ATM yang terkesan dapat disantuni bagi mendengar sebarang luahan mereka secara bersemuka.

Sehingga Jun 2023, sebanyak 10 PPV telah dilaksanakan bagi memastikan Veteran ATM di seluruh negara dapat menikmati bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh JHEV ATM. Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited dalam mempertingkatkan lagi PPV melalui siri lawatan kebajikan yang akan datang agar tiada Veteran ATM yang terpinggir daripada menerima insentif yang disediakan. Sebagai maklumat, data Veteran ATM yang telah berdaftar dengan JHEV sehingga 31 Mac 2023 adalah sebanyak 108,589 veteran berpencen, manakal 70,188 veteran tidak berpencen menjadikan jumlah keseluruhan seramai 178,777 veteran.

Sebarang pertanyaan berkaitan lawatan boleh hubungi Pegawai Staf 2 Media (Udara), Unit Komunikasi Strategik, Kementerian Pertahanan Malaysia, Mejar Ezrie Haniff bin Yussoff TUDM di talian 017-254 0477 dan Ketua Unit Komunikasi Korporat, JHEV ATM, Kapt Mohammad Asyraf bin Mohd Ameran TUDM di talian 019-208 1023.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
28 Jun 2023